

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS

MERASMIKAN MASJID SIMPANG

RENGGAM, KLUANG, JOHOR, PADA

20HB. JUN, 1978 - JAM 3.00 PETANG.

Assalamualaikum Waratullahi Wabarakatuh  
Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Masjid  
Simpang Renggam,

Yang Berusaha Pegawai Daerah, Kluang.

Yang Berbahagia Dato Syed Zain,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah  
Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah  
rahmat dan izinNYA dapat saya hadir di-  
majlis yang mulia ini dan seterusnya  
merasmikan Masjid Simpang Renggam petang  
ini. Saya mengucapkan terima kasih serta

setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Jawatankuasa masjid ini di atas penghormatan yang diberikan kepada saya di majlis ini.

2. Majlis petang ini amatlah besar maknanya kepada saya kerana sehari selepas hari penamaan calon, dapat pula saya menemui penduduk-penduduk di kawasan ini. Saya sukalah mengambil kesempatan ini melahrkan perasa-  
saan simpati saya kepada lapan keluarga di Simpang Renggam ini yang ditimpa kemalangan ribut sepuluh hari yang lalu. Saya telah

pun meminta UMNO Bahagian Seri Gading supaya memberi bantuan kepada keluarga yang malang dan saya diberitahu bahawa bantuan tersebut telah pun disampaikan kepada mereka minggu lalu. Saya telah juga meminta supaya Jabatan Kebajikan 'Am dapat juga memberinya bantuannya bagi merengangkan beban keluarga tersebut.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa negara kita ini kaya dengan masjid

dan surau. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor telah mengeluarkan perbelanjaan beribu-ribu ringgit tiap-tiap tahun membaiki masjid-masjid dan surau-sarau lama disamping mendirikan masjid-masjid dan surau-sarau baru. Dengan adanya masjid yang begitu banyak di tanah air kita ini membuktikan bahawa Kerajaan yang memerintah iaitu Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat terhadap keperluan beribadat umat Islam. Sesungguhnya Kerajaan sentiasa menjalankan segala usaha bagi meninggikan lagi syiar Islam sejajar dengan kedudukannya sebagai Ugama Resmi negara kita. ..5/-

4. Kerajaan juga sentiasa berusaha bagi meningkatkan lagi taraf ekonomi umat Islam di tanah air kita supaya mereka dapat hidup dengan lebih makmur lagi. Berbagai rancangan di laksanakan bagi mewujudkan keadaan hidup yang lebih sempurna di kalangan umat Islam. Mereka diberi peluang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara melalui berbagai saluran. Umat Islam seharusnya jangan berpuas hati dengan apa yang telah mereka perolehi. Mereka hendaklah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi supaya

dapat menandingi kemajuan yang dicapai oleh rakyat lain-lain kaum di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Kerajaan telah pun melakukan apa jua dalam bidang kuasanya bagi mengurang dan seterusnya menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landas kepada Rancangan Malaysia Ketiga akan ditingkat dan dipergiatkan lagi supaya ia benar-benar dapat mendatangkan kesan yang lebih meluas.

6. Kerajaan Barisan Nasional berazam membawa kemajuan yang lebih pesat lagi dan akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dan lebih pesat lagi kearah keadilan sosial serta kearah kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat dan penduduk. Inilah hasrat kami dan kami harap rakyat jelata dapat memberikan sepenuh kepercayaan dan kerjasama mereka bagi membolehkan Barisan Nasional menjayakan cita-cita ini.

..8/-

lebih intensif dalam bentuk tanaman sel

Sehingga akhir tahun 1976 lebih k  
ekar tanah getah telah ditanam semula

jumlah ini sebanyak hampir 459 ribu ekar

telah di tanam semula semenjak tahun 1971.

Sehingga sekarang RISDA telah me

sebanyak lebihkurang 412 ribu pemohon bagi

menanam semula seluas 2.275 juta ek

Sejumlah 751 ribu ekar iaitu 33 peratus

daripadanya melibatkan pemohon-pemohon

(63peratus daripada jumlah pemohon) yang

mempunyai tanah kurang dari lima ekar.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

8. Sebagaimana kita sedia maklum **BARISAN NASIONAL** yang merupakan warisan Perikatan, adalah perkembangan gabungan parti politik yang diwujudkan dalam tahun 1957 dengan dianggotai oleh **UMNO**, **MCA** dan **MIC**. Gabungan ini sekarang mempunyai sepuluh parti anggota iaitu lima dari Semenanjung - **UMNO**, **MCA**, **MIC**, **Gerakan** dan **P.P.P.**, tiga dari Sarawak iaitu parti **Pesaka Bumiputra Bersatu**, **SUPP** dan **SNAP** manakala **USNO** dan **BERJAYA** dari Sabah.

8. Perkongsian dalam BARISAN NASIONAL ini telah mewujudkan kestabilan politik di seluruh tanah air. Barisan Nasional mempunyai pengalaman yang luas dalam semua bidang kerana kami telah diberi kuasa oleh rakyat mentadbirkan negara sejak Kemerdekaan. Kami telah berjaya memenuhi keperluan semua peringkat dan golongan rakyat serta berjaya mengatasi sebarang cabaran dan kesulitan. Kami sentiasa dapat menyesuaikan segala tindakan dan pelaksanaan dasar dengan penuh adil dan saksana dengan memberi kepuasan

hati kepada semua peringkat dan golongan rakyat.

10. Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya meringankan beban rakyat terutama yang miskin dan membantu rakyat dalam sebarang kesulitan mereka. Barisan Nasional telah berjaya mentadbirkan negara dan berjaya mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan dalam sebarang keadaan dan suasana

- menghadapi ancaman pengganas komunis, ancaman perselisihan persefahaman kamu, banjir, inflasi dan lain-lain lagi.

11. Disamping dapat mewujudkan kestabilan politik tanah air, Barisan Nasional telah dapat mengukuhkan lagi perpaduan negara dan mewujudkan kerjasama dan persefahaman yang lebih erat di kalangan rakyat berbilang kaum. Tiada sesiapa pun yang boleh menafikan kemajuan dan kejayaan yang telah kita perolehi, kemakmuran dan kebahagiaan yang telah dinikmati oleh rakyat jelata, dan keamanan dan ketenteraman yang telah diperolehi oleh negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Empat tahun lalu saya telah menang tanpa bertanding di kawasan Seri Gading ini. Tetapi pada kali ini PAS Negeri Johor meletakkan calunnya bertanding dengan saya. Saya tidaklah merasa susah hati kerana saya mempunyai penuh kepercayaan dengan pengundi-pengundi di kawasan Seri Gading. Saya tidak pernah ragukan sokongan rakyat di kawasan ini khususnya pengundi-pengundi baik orang-orang Melayu mahupun kaum Tiong Hwa. Bertambah pula jentera pilehanraya serta pekerja-pekerja Barisan Nasional di kawasan ini telah pun bersiap sedia menjalankan kempen

dan ceramah-ceramah bagi memastikan kemenangan saya. Walaubagaimana pun saya penuh yakin pengundi-pengundi di kawasan ini akan menggunakan undi mereka dengan penuh bijaksana.

12A. Saya difahamkan PAS Negeri Johor juga akan melancarkan manifestonya sendiri bagi mempengaruhi pengundi-pengundi di negeri ini. Saya tidak percaya calon-calon parti lain akan berjaya di Johor kerana rakyat Negeri Johor mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan kepada Barisan Nasional. Sejak pilihanraya tahun 1955 lagi parti-parti

lawan tidak dapat menembusi pertahanan parti kita melainkan di Kluang. Itu pun sokongan kepada sikap peribadi calon parti lawan tersebut dan bukan di atas nama partinya.

Barisan Nasional meletakkan calon-calonnya di semua kawasan. Kesemuanya bertanding di atas nama Barisan Nasional, serta menggunakan simbol dan manifesto yang sama

iaitu simbol dan manifesto Barisan Nasional.

14. Saya akan memperkenalkan manifesto Barisan Nasional pada 23hb. Jun ini. Sungguhpun Barisan Nasional adalah satu-satu parti yang mempunyai kemampuan, kebolehan dan keupayaan, untuk melaksana dan menunaikan segala hasrat dan cita-citanya, kami tidak akan mengemukakan janji-janji besar yang mustahil dilaksanakan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Percayalah bahawa hanyalah Barisan Nasional sahaja yang boleh mempasti masa depan negara yang

lebih terjamin dan hanyalah Barisan Nasional yang boleh memastikan bahawa rakyat jelata dapat terus hidup dalam aman, makmur dan bahagia.

15. Saya menyeru setiap rakyat supaya memiliki naskah Manifesto Barisan Nasional. Kami akan terbitkan manifesto ini dalam semua Bahasa- Bahasa Malaysia: Jawi dan Rumi, Bahasa China dan Bahasa Tamil. Saya berkehendakkan setiap rakyat khusus pengundi-pengundi benar-benar memahami hasrat dan

azam Barisan Nasional untuk membawa kemakmuran yang lebih meningkat bagi rakyat serta kesetabilan keselamatan, politik dan ekonomi bagi negara seluruhnya.

18. Saya harap rakyat jelata akan memberikan sekali lagi mandat mereka kepada Barisan Nasional supaya dapatlah kami melaksanakan segala rancangan pembangunan yang telah ditetapkan dan segala dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

17. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis petang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Dengan ini saya dengan nama ALLAH yang amat pemurah lagi amat mengasihani mengisytiharkan Masjid Simpang Renggam ini dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



No. Siri ..... 369  
No. Penerimaan ..... 35/79